

12 JUN 2002

Exxon-Mahathir (Bergambar)/I

DR MAHATHIR SEBAB UTAMA SYARIKAT MINYAK MELABUR DI M'SIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Syarikat minyak terbesar di dunia memberikan penghargaannya bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penyebab utama ia mengambil keputusan untuk melabur lebih RM45 bilion di Malaysia sejak 1970-an.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi ExxonMobil Corporation Lee R. Raymond berkata sepanjang hampir 23 tahun syarikat itu terlibat dalam aktiviti hulu di Malaysia, Dr Mahathir telah menjadi ketua eksekutif negara yang berjaya menarik syarikat itu untuk membangunkan minyak dan sumber gas Malaysia.

"Saya percaya sekiranya beliau tidak menetapkan dasar-dasar itu, saya berani katakan bahawa kami tidak akan berada di sini kerana saya tidak akan tahu apakah dasar-dasar itu sepatutnya," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Beliau berkata dasar-dasar Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir telah mendatangkan manfaat bersama kepada ExxonMobil dan Malaysia untuk membangunkan sumber-sumber berkenaan.

"Dan saya perlu memberi penghargaan kepada perdana menteri yang mempunyai pandangan jauh untuk melakukan sedemikian," kata Raymond, yang dengan kedudukannya boleh dikatakan sebagai seorang daripada tokoh paling berkuasa di dunia.

Beliau berkata dasar cukai dan kestabilan Malaysia dibawah pimpinan Dr Mahathir merupakan kunci kepada keyakinan berterusan ExxonMobil di negara ini.

"Sekiranya kami tidak mempunyai keyakinan dengan kestabilan, dalam kestabilan yang ditunjukkan, kami tidak akan terus membuat pelaburan seperti itu. Perdana Menteri Dr Mahathir membawa kestabilan dalam sistem cukai, dalam sistem undang-undang, terhadap alam sekitar tempat kami beroperasi," katanya.

Ditanya sama ada terdapat faktor yang membezakan Malaysia daripada beberapa negara lain yang ExxonMobil turut menjalankan operasinya, CEO itu berkata: "Terdapat sedikit perbezaan antara satu tempat dengan yang lain tetapi saya fikir hakikat bahawa kami terus berada di sini untuk melabur selama ini menjadi petunjuk akan tahap keyakinan terhadap negara ini dan keupayaannya untuk menjadi rakan kongsi kami".

Beliau bagaimanapun mengaku bahawa syarat kontrak perkongsian pengeluaran (PSCs) Malaysia dengan syarikat-syarikat minyak asing di negara ini agak ketat, tetapi menurutnya syarat PSC itu tidak sepatutnya dilihat secara berasingan.

"Saya fikir ianya ketat...tetapi bagi saya anda tidak boleh melihat syarat PSC ini secara berasingan. Saya fikir anda perlu melihatnya secara relatif kepada kualiti sumber yang mungkin ada".

Raymond berkata syarat yang mungkin betul semasa ExxonMobil menemui kawasan minyak Tapis di perairan Terengganu pada 1970an mungkin bukan syarat yang betul bagi carigali minyak di Malaysia pada hari ini.

ExxonMobil mengendalikan 600 telaga minyak di negara ini dan merupakan hampir separuh daripada pengeluaran minyaknya, mengeluarkan 280,000 tong minyak mentah setiap hari dan 1.4 bilion kaki padu gas.

"Memandangkan kawasan minyak yang luas telah ditemui, kami kini mencari kawasan yang lebih kecil, dan saya fikir sekiranya anda cari di seluruh dunia, peluang semakin kecil dan dalam saiz yang lebih kecil. Struktur cukai selalunya diperbaiki bagi disesuaikan dengan hakikat bahawa peluang

berkenaan semakin kecil.

"Pada pendapat saya anda tidak boleh lihat PSCs secara berasingan, ia relatif kepada peluang yang telah mereka gabungkan untuk dipadankan. Dan sekiranya anda tidak melakukan demikian, akhirnya orang tidak akan mencari gali dan anda tidak akan menemui minyak dan gas," katanya.

Raymond bagaimanapun enggan menyatakan apakah ketetapan dalam syarat PSC Malaysia yang perlu disemak semula bagi menjadikannya lebih menarik kepada pelabur asing sambil menyatakan "bukan tugas saya untuk merundingkan syarat itu".

Beliau juga bercakap mengenai peranan utama yang dimainkan oleh ExxonMobil dalam membangunkan teknologi yang telah membantu penemuan sumber baru minyak -- dengan itu telah menambah simpanan terkemuka dunia -- walaupun sumber minyak semakin merosot.

"Memang benar bahawa sumber dunia kelihatan semakin bertambah banyak dan sebab utamanya ialah teknologi. Terdapat perubahan dalam mencari gali minyak dan gas. Jika saya imbas kembali kepada ketika saya mula-mula bekerja dengan syarikat ini, adalah agak mustahil untuk membayangkan kaedah teknologi yang terdapat pada hari ini bagi pembangunan minyak dan gas," kata Raymond, yang menyertai syarikat minyak gergasi yang berpangkalan di Houston itu pada 1963 sebagai jurutera penyelidikan pengeluaran.

Penggabungan mega Exxon dan Mobil diadakan pada 1999 bagi menubuhkan syarikat minyak terbesar dunia. Ketika penggabungan itu, ia menjadi syarikat No. 1 dalam senarai syarikat terkemuka dunia Fortune 500 tetapi sejak itu turun ke tangga kedua kepada Wal-Mart, rangkaian pasar raya terbesar di Amerika Syarikat.

Exxon-Mobil mengeluarkan lebih empat juta tong minyak sehari dari kira-kira 30,000 telaga minyak di 25 negara, dengan pendapatan tahun lepas sebanyak US\$57.3 bilion (RM217 bilion), tinggi sedikit daripada keluaran dalam negara kasar Malaysia (KDNK).

Beliau berkata penggabungan antara dua syarikat yang sebelum itu saling bersaing adalah selaras dengan tumpuan berterusan Exxon dalam memperbaiki kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran, penjualan dan pengagihan produknya.

Kira-kira 17,000 kerja dikurangkan berikutan penggabungan itu.

Raymond memberitahu Persidangan Minyak dan Gas Asia ke-7 di sini pada Isnin bahawa ExxonMobil telah berjaya membawa banyak manfaat kepada Malaysia dan rakyat Malaysia.

"Di sini sepertimana di semua negara yang kami melabur, objektif kami ialah untuk menjadi sebahagian landskap tempatan. Kami berharap untuk dilihat sebagai sebuah syarikat yang menjadi sebahagian budaya dan kerangka ekonomi di setiap negara yang kami bekerja," katanya.

-- BERNAMA

AU AU RHM RON